



الجامعة الإسلامية العالمية ماليزيا
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA
بُوتَيْبَرُوسِيَّتِي إِسْلَامِيَّةٌ أَنْبَارٌ رَجَسِيَّا مَلَيْسِيَّا

UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA

KUMPULAN KES-KES NAFKAH
DI MESIR
TAHUN 1933 - 1937

DISEDIAKAN OLEH:
HJ. ZAINUDIN BIN MT. SUM @ MUNAJAT
DIPLOMA UNDANG-UNDANG
&
PENTADBIRAN KEHAKIMAN ISLAM
SESI 1989/90
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA

PENYELIA:
PROF. MADYA US. ABDULLAH BIN ABU BAKAR
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA
KUALA LUMPUR

DONATED TO THE LIBRARY OF
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY
BY

Dr. Mahmud Sedon Awaj Othman

Deputy Dean (Academic), Faculty of Law

Date Received (Mue) 22/6/90

ISI KANDUNGAN

| <u>Bil.</u> | <u>Perkara</u> | <u>Halaman</u> |
|-------------|---|----------------|
| 1 | Prakata | i |
| 2 | Pendahuluan | iii |
| 3 | Hanim Abdul Hadi Rabi' lwn. Ibrahim Abd. Rahman Al-Laithi | 1 |
| 4 | Hafizah Mustaffa Khalil lwn. Muhammad Zaki Al-Mustakawi | 7 |
| 5 | Jamilah Taufik Sayyed Abbas lwn. Muhammad Jad | 16 |
| 6 | Said Ali Taha lwn. Hamidah Ismail Manjud | 22 |
| 7 | Kaukab Hassan Ahmad lwn. Ali Taufik Al-Sayyed | 29 |
| 8 | Puan Hassan Malik lwn. Muhammad Bik Ubaid | 34 |
| 9 | Siddiqah 'Arif lwn. Hamidah Muhammad Arif | 47 |
| 10 | Zaharah Saad lwn. Omar Hudhaib, Ali Omar Hudhaib dan Abdu Rabbuh Omar Hudhaib | 60 |
| 11 | Razak Abduh Yusof lwn. Victoria Fanus Grace | 65 |
| 12 | Abdul Aziz Muhammad Al-Nahrawi lwn. Munirah Ahmad Al-Fararji | 71 |
| 13 | Is'ad Abdul Karim Badawi lwn. Abdul Halim Abdul Khalik | 86 |
| 14 | Kesimpulan | 92 |
| 15 | Penutup | 94 |
| 16 | Rujukan | 96 |

PRAKATA

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

الحمد لله رب العالمين والصلوة والسلام على اشرف الانبياء

والمرسلين وعلى آله وصحبه اجمعين

Saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izinnya saya telah dapat menyelesaikan kertas projek ini iaitu terjemahan Kumpulan Kes Nafkah di Mahkamah Syariah Mesir tahun 1933 - 1937 bagi dikemukakan kepada Fakulti Undang-Undang Universiti Islam Antarabangsa sebagai memenuhi sebahagian dari syarat-syarat untuk mendapatkan Diploma Undang-Undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam Sesi 1989/90.

Saya memohon kemaafan atas segala kelemahan dan kekurangan yang terdapat di dalam terjemahan ini. Segala teguran dan nasihat amatlah dihargai bagi memperbaiki kelemahan saya dalam menyempurnakan tugas ini yang mana memerlukan pengalaman dan pengetahuan bahasa dan perundangan.

Beberapa buah kamus Bahasa Arab telah saya gunakan dalam usaha penterjemahan ini sebagai rujukan istilah-istilah tertentu di samping kemurahan beberapa orang tenaga pengajar Fakulti Undang-Undang Universiti Islam Antarabangsa ini terutama sekali ialah yang berbahagia Profesor Madya Us. Hj.

(ii)

Abdullah bin Abu Bakar selaku penyelia kertas projek ini. Kerjasama beliau bagi menyempurnakan terjemahan ini tidaklah sedikit. Kepada beliau khasnya dan kepada setiap yang membantu saya ucapan ribuan terima kasih saya rakamkan, semoga sumbangan tersebut dibalas oleh Allah S.W.T. Amin.

Zainuddin bin Mt. Sum @ Munajat
Peserta Kursus 18/89
Diploma Undang-Undang dan
Pentadbiran Kehakiman Islam
Universiti Islam Antarabangsa
Sesi 1989/90.

PENDAHULUAN

Dalam satu artikel di Journal Hukum Jilid 4 bahagian 1 tahun 1409 H Prof. Ahmad Ibrahim menyatakan:

Untuk mengembalikan Undang-Undang Syara' kepada kedudukan asalnya sebagai undang-undang negeri dan menaikkan semula serta mempertahankan kedudukan Hakim-Hakim Syarie sebagai pelindung Undang-undang Syara', kita perlu memperbaiki taraf dan kedudukan mereka dan menghidupkan semula semangat yakin terhadap diri sendiri. Dalam hal ini kita boleh mempelajari beberapa contoh dari negara-negara Islam yang lain. Kerana pentadbiran Undang-Undang Islam adalah lebih tersusun dan berkesan. Malangnya kita tidak mengetahui sangat cara Undang-Undang Islam ditadbir di negara-negara Arab, misalnya laporan-laporan kes dari Mahkamah-Mahkamah negara Mesir, Arab Saudi dan Emirate Arab Bersatu tidak ada di Malaysia sebagaimana keadaannya dengan laporan-laporan kes dari England, Amerika Syarikat, Australia dan New Zealand.

Adalah menyedihkan bahawa di Malaysia kita dapat mengetahui perkembangan terakhir Undang-undang Inggeris tetapi tidak mempunyai kemudahan untuk

mengetahui bagaimana Undang-undang Islam berkembang di negara Islam. satu sistem laporan kes-kes amat perlu supaya para hakim, peguam dan cendekiawan disemua negara Islam boleh melihat bagaimana Undang-Undang Islam berkembang di dalam masyarakat moden.

Saya berpendapat usaha menterjemahkan kes-kes di Mahkamah Syariah Mesir adalah satu daripada langkah yang wajar dalam konteks keperluan di Mahkamah Syariah di Malaysia seperti yang dinyatakan di atas tadi.

Kes-kes Mahkamah Syariah di Malaysia yang diterbitkan melalui Journal Hukum masih terlalu sedikit ini menjadikan para Hakim Syarie tidak begitu berpeluang merujuk kes-kes berkaitan yang sepatutnya boleh dijadikan panduan dan perbandingan dalam sesuatu perbicaraan di Mahkamah.

Tidak dapat dinafikan lagi bahawa di samping kitab-kitab rujukan yang muktabar dan peruntukan undang-undang yang ditetapkan bagi hakim-hakim dalam menjalankan tugas dengan adil dan baik maka penelitian harus dibuat terhadap kajian-kajian kes yang berkaitan sama ada melalui journal-journal hukum atau contoh-contoh kes yang diterjemahkan

(v)

dari kumpulan kes Mahkamah Syariah Mesir untuk panduan dan perbandingan.

HANIM ABDUL HADI RABI'

lwn.

IBRAHIM ABD. RAHMAN AL-LAITHI¹

MAHKAMAH TINGGI SYARIAH MESIR

Dihadapan Hakim Al-Sheikh Muhammad Ibrahim Salim

dibantu oleh Hakim Al-Sheikh Hamid Mutawi'

dan Hakim Al-Sheikh Afifi 'Ammar

pada 27 Safar tahun 1355 (18 Mei 1936)

kes rayuan bil. 1642 tahun 1935/36

ke atas hukuman Mahkamah syariah Al-Jizah bil 795

tahun 1935/36 pada 30 Mac tahun 1936.

ISU:

Hadanah - Upah Hadanah - Pengakuan terdahulu oleh yang kena hukum di dalam kes yang lalu atas kemampuan dan keupayaannya membayar nafkah - Implikasinya - keadaan apabila sumbangan hadanah nenek tidak diterima.

PRINSIP UNDANG-UNDANG

Pengakuan terdahulu oleh orang wajib ke atasnya membayar upah hadanah dalam kes tuntutan yang lalu

1. Majallah Al-Muhamah Al-Syariah, Kaherah, Mesir, Tahun 1358/57H (1937/38M) Jld. 8, bil: 7,8,10. hal. 243 - 244.

kerana kemampuan dan keupayaannya membayar nafkah adalah cukup untuk menghukumkannya membayar upah hadanah tersebut dan menghalang dari mendengar tuntutan nenek dari sebelah bapa yang menawarkan hadanah secara percuma melainkan dalam keadaan wujudnya harta si anak atau kesusahan bapanya.

FAKTA_KES

Yang merayu dalam kes ini telah membuat tuntutan di Mahkamah Rendah menyatakan bahawa beliau ialah isteri kepada yang menjawab rayuan dan telah diceraikan setelah dikurniakan seorang anak lelaki bernama Rajab yang di dalam peliharaannya dan telah dihukumkan ke atasnya nafkah untuk anak lelakinya itu setiap bulan sejumlah 40 piester untuk makan minum dan sejumlah yang sama setiap 4 bulan untuk pakaiannya. Ini ialah mengikut kuatkuasa hukuman yang dikenakan sebagaimana yang dibutirkan di dalam tuntutan. Yang merayu telah membuat permohonan supaya kadar itu ditambah dengan mengenakan bayaran upah hadanah dan tempat tinggal menjadikan jumlah kesemuanya bagi nafkah dan upah-upah hadanah dan tempat tinggal setiap bulan 350 piester atas alasan-alasan yang disebutkan oleh yang merayu.

Yang menjawab rayuan mengakui atas tuntutan

tersebut melainkan tuntutan upah hadanah (pemeliharaan) bagi yang merayu, kerana beliau adalah tidak berkemampuan - beliau telah membawa hadir ibunya iaitu nenek sebelah bapa anak tersebut yang mana kemasukannya sebagai pihak ketiga di dalam tuntutan ini. Nenek ini menawarkan khidmat hadanah cucunya dengan percuma kerana ketidakmampuan bapa. Setelah dijalankan pengemukaan kes Mahkamah tersebut telah menghukumkan ke atas yang menjawab rayuan setiap bulan sejumlah 10 piester sebagai tambahan nafkah anak tersebut dan sejumlah tersebut juga sebagai tambahan peruntukan pakaian setiap empat bulan dan sejumlah 20 piester setiap bulan untuk bayaran tempat tinggal di mana anak tersebut dipelihara. Mahkamah pula telah menolak tuntutan bayaran pemeliharaan sebagaimana yang dibutirkan di dalam hukuman tersebut.

Yang merayu telah memohon ulangbicara terhadap hukuman tersebut dan wakilnya telah mengemukakan kandungan rayuan ulangbicara serta mengemukakan salinan resmi hukuman yang dikeluarkan pada 30 Mac tahun 1936 dari Mahkamah Syariah Al-Jizah dalam kes Al-Habs (tahanan) bilangan 403 tahun 1935/36 dengan menahannya selama 30 hari. Wakil yang merayu telah menyatakan yang menjawab rayuan telah mengaku di

dalam kes tersebut bahawa dia mampu dan berupaya membayarnya. Ini sudah cukup untuk mengenakan bayaran hadanah, dan dalam perbicaraan hari ini yang menjawab rayuan atau wakilnya telah tidak hadir.

PENDAPAT MAHKAMAH

Setelah meneliti dokumen-dokumen kes dan pengemukaan-pengemukaan serta soaljawab mengenainya maka Mahkamah berpendapat:

1. Bahawa permohonan ulang bicara telah dimajukan dan diterima dalam masa yang ditentukan.
2. Bahawa hukuman yang dimohon ulangbicara merupakan isu yang diharuskan untuk dirayu kerana yang merayu telah menuntut di dalam rayuannya mengenai kadar hukuman. Penolakan permohonan bayaran hadanah adalah tidak benar kerana ia telah disabitkan di dalam hukuman yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah Al-Jizah pada 30 Mac tahun 1936 dalam kes tahanan bilangan 403 tahun 1935/36 yang mana telah dikemukakan oleh yang merayu salinan resminya dimana yang menjawab rayuan telah mengakui kemampuan dan keupayaannya membayar nafkah yang dituntut yang telah ditunggakkan.

Apabila ia berkeadaan mampu maka berhaklah pihak yang memelihara itu terhadap bayaran upah hadanah anak tersebut dan tidak ada tempat bagi tawaran khidmat hadanah percuma oleh nenek sebelah bapa bagi anak tersebut kerana tiada berasas kecuali di dalam keadaan anak tersebut berharta atau bapanya tidak berkemampuan.

Oleh sebab yang demikian Mahkamah berpendapat hukuman menolak tuntutan upah bayaran hadanah anak dibatalkan dan yang merayu berhak terhadap kadar berikut yang difikirkan munasabah oleh Mahkamah. Selain dari ini hukuman Mahkamah yang terdahulu adalah betul dan alasan-alasannya adalah benar dan mahkamah berpuashati menyokongnya dan menolak rayuan ke atasnya.

KEPUTUSAN

Kami memutuskan menerima permohonan ulangbicara ini dari segi bentuk dan pada isunya membatalkan hukuman yang dirayu iaitu penolakan tuntutan bayaran hadanah dan kami hukuman ke atas yang menjawab rayuan sejumlah 20 piester setiap bulan bayaran upah bagi yang merayu. Kami memerintahkan supaya bayaran yang dijelaskan dan kami menyokong hukuman yang

dirayu dan menolak rayuan ke atas keputusan-
keputusan hukuman yang lain daripada ini dengan
tidak kehadiran yang menjawab rayuan.

HAFIZAH MUSTAFFA KHALIL

lwn.

1

MUHAMMAD ZAKI AL-MUSTAKAWI

Di MAHKAMAH TINGGI SYARIAH MESIR

Di hadapan Hakim Ibrahim Salim

Dibantu oleh Hakim Al-Sheikh Hamad Muthawi'

dan Hakim Mahmud Al-Gharrab

Pada hari Khamis 19 Ramadhan 1355 (3 Disember 1936)

Kes bilangan 3267 tahun 1935/36 - Ulangbicara

terhadap keputusan Mahkamah Syariah Abidin

Pada 30 September 1936 dalam kes bilangan 1197

tahun 1935/36 permohonan ulangbicara pada 10

Oktober 1936 dan didaftarkan 11 Oktober 1936.

ISU

Nafkah iddah - Laporan doktor syarie bahawa

isteri yang dicerai tidak hamil - Tidak harus den-

gan laporan tersebut dianggap sebagai ikrar isteri

yang diceraikan bahawa iddahnya telah habis -

Hikmat wajib beriddah - Terikat dengan nas.

1. Majallah Al-Muhamah Al-Syariah, Kaherah, Mesir

Tahun 1356/57 H (1937/38 M) Jilid 8, bil:7,8,10

hal. 247 - 250

Prinsip Undang-undang

Hikmat wajib beriddah ke atas isteri yang diceraikan ialah menzahirkan kehormatan pernikahan bukan semata-mata memastikan kekosongan rahim kerana kekosongan rahim dapat dipastikan dengan hanya kedatangan sekali haid, maka isteri yang telah diceraikan dan disahkan oleh doktor dia tidak mengandung tidak boleh dianggap sebagai ikrarnya bahawa iddahnya telah habis ini ialah kerana bergantung kepada nas yang ada di dalam kitab Al-Qur'anul-Karim tentang iddah isteri yang diceraikan oleh suami.

Fakta Kes

Yang menjawab rayuan dalam kes ini mendakwa bahawa beliau telah mengahwini yang merayu dengan hantaran berjumlah 60 paun yang mana perayu telah menerima pendahuluan sebanyak 40 paun dia telah menceraikannya sebelum dhukhul dan khalwah maka yang menjawab rayuan berhak 10 paun sebagai kadar yang lebih dari separuh hantaran yang diterima oleh yang merayu. Beliau telah memohon supaya jumlah tersebut dipulangkan kepadanya serta dengan kos. Yang menjawab rayuan telah mengemukakan

perjanjian pernikahan dengan perayu pada 25 Disember tahun 1935 dan penyaksian perceraianya pada 20 Mac tahun 1936.

Wakil perayu telah mengakui perkahwinan tersebut dan menolak dakwaan yang menjawab rayuan, katanya yang menjawab rayuan telah dukhul terhadap isterinya dan telah hamil dan telah mengemukakan tuntutan nafkah yang dihubungkan dengan kes ini di mana beliau telah menuntut hukuman nafkah makan minum dan pakaian, tempat tinggal serta perbelanjaan pembantu rumah ke atas yang menjawab rayuan semenjak 25 Disember tahun 1935 iaitu hari kedua perkahwinan tersebut serta kos, dan menolak tuntutan yang menjawab rayuan supaya menyerahkan semula jumlah yang dimaksudkannya.

Kedua-dua pihak yang bertikai ini masing-masing mempertahankan tuntutanannya. Pihak perayu tetap mengatakan bahawa beliau telah didukhul dan khalwah oleh yang menjawab rayuan. Mahkamah kemudiannya telah mengemukakan cadangan kepada kedua belah pihak supaya perayu diperiksa oleh doktor syarie bagi memastikan keadaannya samada janda, masih dara atau hamil. kedua-dua belah pihak telah bersetuju cadangan tersebut dan menjawab

rayuan sanggup menerima keputusan pemeriksaan doktor apabila didapati yang merayu telah didhukhul dan hamil maka itu adalah daripadanya.

Mahkamah telah mengambil keputusan membawa perayu kepada pemeriksaan doktor dan laporan telah diterima dari Ketua Doktor Pakar Syarie bahawa beliau telah membuat pemeriksaan dan mendapati perayu telah janda dan tidak hamil. Di dalam perbicaraan 30 September tahun 1936 yang menjawab rayuan telah diperintah membayar kepada yang merayu pada tiap-tiap bulan dari tarikh 26 Disember tahun 1935 sebanyak 300 piester iaitu untuk makan minum dan jumlah yang sama untuk pakaiannya setiap 6 bulan dan sebanyak 100 piester setiap bulan bayaran tempat tinggal dan 50 piester elaun pembantu sehingga selesai iddah mengikut syarie pada hari 14 Julai tahun 1936. Mahkamah menolak tuntutan yang menjawab rayuan mengenai kadar yang lebih dari separuh hantaran yang ditentukan serta mengenakan ke atas kos di dalam kes bilangan 1197 tahun 1935/36 dengan kehadirannya dengan beberapa sebab antaranya:

Tidak ada percanggahan antara kedua belah pihak bahawa perkahwinan mereka sebenarnya berlaku pada 25 Disember tahun 1935 dalam keadaan siisteri masih

dara dan thalaq jatuh ke atas isteri pada 5 Mac tahun 1936. Percanggahan hanya wujud pada keadaan jatuh thalaq tersebut samaada jatuh selepas dukhul sebenarnya atau dari hukumannya sahaja atau tiada dhukhul sama sekali. Yang merayu mendakwa dia telah didhukhul dan hamil sedangkan yang menjawab rayuan tetap mengatakan tidak dukhul.

Mahkamah bertujuan menggunakan kaedah syarie dari sudut sains moden bagi mengenalpasti hakikat sebenarnya dalam pertikaian seperti ini bagi membuktikan perkara penolakan suami yang menceraikan tersebut. maka mahkamah telah mengambil keputusan membawa perayu untuk diperiksa oleh doktor syarie yang mana telah memutuskan perayu adalah janda dan berkeadaan tidak hamil dan seterusnya yang dibuktikan dalam perbicaraan di mahkamah rendah.

Kedua-duanya telah memohon ulangbicara dan selepas diputuskan supaya permohonan ulangbicara bilangan 3198 tahun 1935/36 disatukan dengan kes ulangbicara ini. Pihak perayu memohon supaya permohonan ulangbicaranya diterima dari segi bentuk, dan di dalam isunya supaya dibatalkan hukuman yang dirayu beliaiu menuntut supaya hukuman ke atasnya kerana

menganggap dirinya telah habis iddah itu diketepikan dan menuntut tambahan kadar bayaran memandangkan iddahnya masih ada dari segi syara'. Yang menjawab rayuan pula menuntut supaya hukuman rayuan diketepikan dan menolak tuntutan yang berkaitan dengan nafkah dari tarikh perceraian sebelum dukhul dan khalwah pada 20 Mac tahun 1936 dan menuntut keringanan hukuman nafkah yang diputuskan dari tempoh hari kedua akad pernikahan sehingga tarikh berlakunya perceraian tersebut dengan alasan-alasan yang panjang lebar dikedua-dua sesi ulangbicara dan surat serta memorandum yang dikemukakan.

Pendapat Mahkamah

Setelah meneliti dokumen-dokumen kes dan pengemukaan-pengemukaan serta persoalan balas antara kedua-duanya maka mahkamah menetapkan seperti berikut.

1. Bahawa kedua-dua permohonan ulangbicara telah dikemukakan dan diterima pada masa yang ditentukan dan hukuman yang dimohon ulangbicara di dalam isu tersebut adalah adalah dari kalangan isu yang boleh diulangbicara.

2. Bahawa Mahkamah telah mendasarkan hukumannya bahawa yang menuntut telah habis iddah kerana doktor syara' memutuskan bahawa yang menuntut tidak hamil dan hikmat penting wajib beriddah ke atas isteri yang diceraikan ialah mengenal pasti kekosongan rahim dan memastikannya tidak hamil dan jarak masa di antara kejadian thalaq dan hari pemeriksaan ke atas bekas isteri tersebut telah lebih dari 3 bulan iaitu tempoh anggaran tamatnya iddah dari pandangan syara'. Maka tidak ada halangan untuk mengatakannya kedudukannya seperti berikrar tamat iddahnya tentang hak nafkah.

3. Bahawa keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Rendah adalah tidak benar dari segi syara' kerana yang menuntut- seperti yang ternyata dari dokumen-dokumen kes ini - adalah dari kalangan wanita yang berhaid maka iddahnya tamat dengan 3 kali haid yang sempurna dari tarikh dia di thalaq. Ketetapan tempoh iddah ini telah dengab jelas disebut di dalam Al-Qur'anul-Karim (المطلقات يتربصن بأنفسهن ثلاثة أشهر : البقرة : 228). Maksudnya: Wanita-wanita yang dithalaq hendaklah menahan diri (menunggu) tiga kali suci. Nas ini menjelaskan ketentuan habis iddah dengan umum tidak dengan sebarang sebab tertentu. Maka wajiblah berpegang dengan nas ini tanpa terikat

bahawa hikmat beriddah yang disebut oleh fuqaha-fuqaha tidaklah hanya memastikan kekosongan rahim semata-mata kerana memastikan isteri yang diceraikan itu tidak hamil memadai dengan sekali datang haid sahaja. Bahkan ada satu hikmat lain yang telah dinaskan disemua kitab-kitab mazhab iaitu melahirkan kehormatan nikah dan mengagungkan kepentingannya kesan-kesannya yang berkekalan. Oleh itu iddah tetap diwajibkan ke atas perempuan yang kecil yang belum sampai ke peringkat remaja pada hal sebagaimana yang telah diputuskan peringkat umur tersebut tidak akan mengalami kehamilan.

Adapun apa yang disebutkan oleh mahkamah rendah bahawa laporan ketiadaan hamil yang ditentukan oleh doktor syari' adalah mengambil tempat ikrar tamat iddah-tidaklah boleh diambil kira kerana ini tidak bersandar kepada sebarang sebab yang difahami dan disebabkan yang menuntut tidak berikrar tamat iddahnyanya dan tidak ada sebarang keterangan di dalam tuntutannyanya tentang perkara tersebut maka anggapan tamat iddahnyanya digugurkan.

Bahawa hukuman yang dikaenakan pada hakikatnya adalah benar tetapi tidak pada kadar. Kerana kadar tersebut adalah banyak dan Mahkamah menimbangkan dari dokumen-dokumen kes ini dan suasana-suasana

pertikaian antara dua belah pihak memindanya dengan meringankan hukuman seperti berikut:

Keputusan:

Kami mengambil keputusan menerima kedua-dua rayuan ulangbicara dari segi bentuknya dan pada isunya meminda hukuman yang dirayu ulangbicara dengan menjadikan nafkah bulanan bagi yang menuntut 350 piester sebagai ganti dari hukuman yang dibuat oleh Mahkamah Rendah. Kami juga memutuskan supaya anggapan tamat iddahnya dibatalkan begitu juga had masa nafkah pada tarikh 14 Julai tahun 1936 hendaklah dibatalkan. Mahkamah ini seterusnya memutuskan mengekalkan nafkah berterusan dan wajib dijelaskan sehingga tamat iddahnya dari segi syara'.

JAMILAH TAUFIK SAYYED ABBAS

lwn.

MUHAMMAD JAD¹

Di dalam MAHKAMAH TINGGI SYARIAH BANI SUIF
di hadapan Hakim Al-Syeikh Ahmad Muhammad Al-Maulid
dibantu oleh Hakim-hakim:

Al-Syeikh Abdul Halim Al-Cairafi dan

Al-Syeikh Ahmad Atiyyah

Kes bilangan 311 tahun 1936/37

pada 10 Jamadil Awwal 1356 (18 Jun 1937) kes rayuan
ke atas hukuman Mahkamah Syariah Al-Fayyum
bertarikh 30 Mei 1937 dalam kes bilangan 953 tahun
1936/37 iaitu diputuskan bahawa tuntutan nafkah
anak kecil dan upah Hadanah dan penyusuan serta
tempat tinggal tidak didengar. Rayuan rayuan telah
dikemukakan pada 7 Jun 1937 dan didaftarkan pada 8
Jun 1937.

ISU

Nafkah - Mendahulukan Pembayarannya - Kehilangannya
dari si ibu - Kewajipan membayarnya semula -

1. Majallah Al-Muhamah Al-Syariah, Kaherah, Mesir,
tahun 1356/57H (1937/38M) Jld. 8, bil.7,8,10
hal.256 - 258.

Ketiadaan Nas yang mewajibkan si ibu menggantikan kadar nafkah yang hilang - Kesannya - Kehilangan upah hadanah dan susuan.

PRINSIP UNDANG-UNDANG

Apabila bapa telah menyegerakan pembayaran nafkah anak kecil dan upah-upah hadanah dan susuan bagi ibunya sebagai ganti nafkah anak tersebut yang telah hilang di dalam keadaan ibu tidak berkemampuan maka hendaklah dikembalikan kepada bapa pembayaran kedua tersebut ketika ibu berkemampuan sekalipun tidak ada nas yang demikian kerana pengembalian tersebut adalah hak yang tetap bagi si bapa berbeza dengan upah-upah hadanah dan penyusuan maka tidak berhak diganti jika berlaku kehilangan selagi ibunya mampu menyusu dan memelihara anaknya dan tidak ada halangan.

FAKTA_KES

Yang merayu telah memohon di Mahkamah peringkat awal nafkah dan upah-upah hadanah dan penyusuan ke atas yang kena rayu bagi anak perempuannya yang bernama Ruhiah yang masih di dalam umur susuan dan supaya dikenakan perintah menjelaskannya kerana beberapa alasan antaranya ialah: